

Perangi miskin tegar

Oleh NADIAH ZAMLUS

Datuk Seri Anwar Ibrahim bertekad mahu menoktahkan miskin tegar pada hujung tahun ini, meski hanya berbaki dua bulan sebelum memasuki 2024.

Perdana menteri menyuarakan rasa positif usaha itu akan tercapai berdasarkan data terkini yang menyaksikan kadar kemiskinan tegar terus mencatat penurunan.

Setakat 15 Mac lalu, 123,243 ketua isi rumah miskin tegar sudah dapat dikenal pasti kerajaan untuk dibantu, kata perdana menteri di parlimen pada 28 Mac.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin pada 29 Julai pula dilapor berkata, dalam laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2022, bilangan isi rumah miskin tegar berpendapatan bawah RM1,198 menurun kepada 0.2 peratus (18,445 isi rumah) berbanding 0.4 peratus pada 2019.

Miskin tegar bermaksud isi rumah mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) makanan.

PGK negara pada 2022 sebanyak RM2,589 berbanding RM2,208 pada 2019. Sementara nilai PGK makanan pula RM1,198 (2019: RM1,169).

Bagi mencapai sifar miskin tegar, kerajaan melancarkan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) pada 26 Februari. Langkah itu berupaya menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan, kata Menteri Ekonomi Rafizi Ramli semasa peluncuran inisiatif itu.

IPR merangkumi tiga model iaitu Inisiatif

Usahawan Tani (Intan), Inisiatif Usahawan Makanan (Insan) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (Ikhsan).

Sejak itu, IPR berjaya meningkatkan pendapatan bulanan lebih 2,000 peserta terlibat. Peserta program Insan misalnya, meraih hasil jualan purata sehingga RM14,000 sebulan.

“Tahun hadapan, RM500 juta disediakan untuk meningkatkan penyertaan lebih ramai rakyat miskin tegar mengikuti program IPR bagi menambah pendapatan mereka,” kata perdana menteri semasa membentangkan belanjawan pada 13 Oktober.

Pakar ekonomi, Prof Emeritus Dr Barjoiyi Bardai menyifatkan hasrat perdana menteri itu sebenarnya mampu dicapai. Syaratnya, kerajaan perlu berusaha lebih gigih.

Budaya usahawan

Pensyarah Universiti Tun Abdul Razak itu menegaskan, peserta IPR memerlukan masa sekurang-kurangnya tiga tahun untuk keluar kepompong miskin tegar.

Kumpulan berkenaan juga memerlukan masa untuk menjalani kehidupan seperti orang biasa, terutamanya hidup berdikari tanpa bantuan.

Dalam perkembangan sama, Dr Barjoiyi mengakui perniagaan dari rumah antara kaedah berkesan membasmi kemiskinan tegar. Platform niaga dalam talian harus dimanfaatkan kerana ia paling mudah dilaksanakan.



Menerusinya, budaya keusahawanan meliputi kawasan luar bandar boleh dipupuk. Ia termasuk melatih anggota masyarakat mewujudkan perniagaan di setiap rumah.

“Tidak kisahlah pertanian, perkhidmatan atau makanan. Lama-kelamaan akan jadi budaya dan berkembang,” katanya kepada Selangorkini pada 27 Oktober.

Bagaimanapun, penganalisis ekonomi berpengalaman selama 5 dekad itu tidak bersetuju dengan pemberian tunai bagi menghapuskan miskin tegar.

Kaedah itu tidak menyelesaikan masalah kerana ia menyebabkan kumpulan sasar akan terus bergantung bantuan tunai kerajaan.

“Skim jangka pendek ini secara psikologinya dapat membantu kumpulan pendapatan B40 tetapi kesan dari segi materialnya sangat kecil,” katanya.

Dr Barjoiyi turut menegaskan pangkalan data perlu dikemaskini lebih rapi bertujuan membantu menaik taraf status keluarga miskin tegar.

“Pangkalan yang sangat terperinci siapa yang memerlukan bantuan harus ada. Pengkelasan sedia ada terlalu umum sehingga ramai yang terima dua hingga tiga bantuan namun yang sepatutnya terima tidak ada dalam rekod,” katanya.

Jelasnya, walau miskin tegar terhapus, kemiskinan relatif tetap akan berlaku. Mengikut perspektif ekonomi, miskin relatif berlaku apabila meningkatnya taraf hidup mengikut pertumbuhan ekonomi.